




Institut Kefahaman Islam Malaysia • Institute of Islamic Understanding Malaysia • معهد الوعي الإسلامي الماليزي



MENJUNJUNG TITAH, MENGUKUH NILAI KEILMUAN: IKIM MENGHADAP DULI YANG TERAMAT MULIA RAJA MUDA SELANGOR

Mempersembahkan usaha-usaha berterusan dalam memartabatkan kefahaman Islam yang benar dan pengukuhan nilai keilmuan kepada segenap lapisan masyarakat, selari dengan aspirasi negara.



halaman 6



halaman 5

Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) IKIM dengan UPSI, UTHM & IBFIM



halaman 7

IKIM Perkukuh Hubungan Malaysia- Kemboja melalui Sesi Tausiah & Madrasah Ramadan 1446H



halaman 8

Ziarah Mahabbah MADANI IKIM Santuni Mangsa Nahas Kebakaran Gas Putra Heights

KUNJUNGAN HORMAT IKIM KE YAYASAN WAQAF MALAYSIA(YWM)



07 JAN — Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) melalui Bahagian Wakaf telah mengadakan kunjungan hormat ke Pejabat Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) yang bertempat di Kompleks Islam Putrajaya. Delegasi IKIM diketuai oleh Timbalan Ketua Pengarah IKIM, Dr. Mohd Zaidi Ismail, dan disambut mesra oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif YWM, Encik Abdul Halim Mat Yusop. Kunjungan ini bertujuan memperkukuh kerjasama strategik dalam mempromosi dan memasarkan Wakaf IKIM, serta merintis kolaborasi kepakaran antara kedua-dua pihak dalam bidang wakaf yang berpotensi tinggi

SIMPOSIUM SHARIACARE: MERINTIS PENJAGAAN KESIHATAN BERTERASKAN NILAI-NILAI SYARIAH

14 JAN — Simposium ShariaCare: Merintis Kesihatan dengan Nilai-nilai Syariah telah berlangsung di Hotel Tenera, Bangi. Turut hadir, Pengerusi IKIM Prof. Dato' Dr. Muhammad Nur Manuty, Ketua Pengarah IKIM Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil dan Timbalan Ketua Pengarah IKIM, Dr. Mohd Zaidi Ismail. Majlis penutupan simposium yang berlangsung turut dirasmikan oleh Menteri Kesihatan, YB Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad, yang disambut oleh pimpinan utama institusi penganjur termasuk Naib Canselor UTP Prof. Dato' Ir. Ts. Dr. Mohamed Ibrahim Abdul Mutalib dan Ketua Pegawai Eksekutif KMI Healthcare, Dr. Rayney Azmi Ali.

Simposium anjuran IKIM, Universiti Teknologi Petronas (UTP) dan Kumpulan Medic Iman Sdn. Bhd. ini menghimpunkan lebih 100 peserta sebagai kesinambungan projek penyelidikan standard perkhidmatan kesihatan patuh syariah bersama penyelidik dari UiTM dan UniKL. Kementerian Kesihatan turut menyatakan komitmen meningkatkan perkhidmatan kesihatan berteraskan syariah, merangkumi kemudahan, peralatan perubatan dan farmaseutikal.

06 JAN — Sesi penyerahan kunci kenderaan MPV baharu oleh Ketua Pengarah IKIM, Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil kepada Pemangku Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP), Pn. Zawiah Md. Sari. Turut serta Pn. Azhani Zakaria, Ketua Unit UPEN.



10 JAN — Perbincangan potensi kerjasama antara Bahagian Berita & Advertorial, Pusat Media IKIM bersama Berita Harian & TV3. Perbincangan bersama Mr. M. Thillinadan, Deputy Group Editor BH dan En. Mior Abdul Malek Raiyani, Eksekutif Producer News & Current Affairs, TV3. Pusat Media disertai Pengarah Pusat Media IKIM, Hj. Ahmad Fuad Mat Ali, Pengurus Berita, Hajah Maslina Alias & Penolong Pengurus Berita, Hj. Mohd Faiz Othman.



13 JAN —Sesi perbincangan kerjasama delegasi Persatuan Penduduk Bukit Tunku (Bukit Tunku Residents' Association (BTRA) bersama Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah IKIM, Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil, sementara Timbalan Presiden (BTRA), Dato' Tan Hoe Pin, mewakili persatuan penduduk. Perbincangan berlangsung di Bilik Mesyuarat Blok A, IKIM.

17 JAN — Satu sesi perbincangan telah diadakan antara IKIM dan Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan (JMWP) bagi memuktamadkan laporan penyelidikan bertajuk “Pembekuan Sel Sperma dan Telur bagi Individu yang Belum Berkahwin atas Sebab Perubatan Menurut Perspektif Islam.” Delegasi IKIM diketuai oleh Pengarah Unit Pengurusan & Penyelidikan (RMU), Dr. Shaikh Mohd Saifuddeen Shaikh Mohd Salleh, bersama En. Mohd Izzuddin Hasanudin dan En. Sulaiman Fitri Ramli, manakala JMWP diketuai oleh Ketua Penolong Mufti, Dr. Syed Shahrizdan Syed Mohamed. Laporan ini akan dibawa ke Panel Pakar Syariah JAKIM dan seterusnya ke Muzakarah MKI.

MAJLIS AMANAT TAHUN BAHARU 2025

15 JAN — Majlis Amanat Tahun Baharu 2025 bersama Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM telah diadakan di Dewan Sajjan IKIM yang menghimpunkan seluruh warga kerja IKIM sebagai pembuka tirai tahun baharu dengan penyampaian amanat dan aspirasi organisasi.

Dalam ucapannya, Dato' Ketua Pengarah telah mengumumkan perancangan peningkatan kerjaya serta mengiktiraf pencapaian setiap Bahagian, Pusat dan Unit sepanjang tahun 2024. Amanat yang disampaikan diharap menjadi suntikan semangat kepada seluruh warga IKIM untuk terus menyumbang dengan lebih cemerlang dan berdaya saing sepanjang tahun 2025.



KUNJUNGAN HORMAT KE AKADEMI KENEGARAAN MALAYSIA (AKM)

17 JAN — IKIM telah mengadakan kunjungan hormat ke Akademi Kenegaraan Malaysia (AKM) yang berlangsung di Bilik Mesyuarat Perkasa, AKM. Delegasi IKIM diketuai oleh Ketua Pengarah IKIM, Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil dan disambut oleh Ketua Pengarah AKM, Dato' Dr. Haji Roslan bin Hussin. Turut hadir ialah Dr. Zaidi bin Ismail, Timbalan Ketua Pengarah IKIM serta beberapa pegawai kanan IKIM.



Kunjungan ini bertujuan memperkukuh hubungan strategik antara kedua-dua institusi serta membincangkan potensi kerjasama dua hala dalam penganjuran Global MADANI Forum. Perbincangan turut menyentuh aspek penglibatan bersama dalam mempromosikan nilai-nilai kenegaraan dan kefahaman Islam yang selari dengan gagasan Malaysia MADANI.

03 FEB — Kunjungan hormat delegasi IKIM diketuai oleh Ketua Pengarah IKIM, Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil ke atas Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Paduka TPr Dr. Maimunah Mohd Shariff di Pejabat Datuk Bandar, Menara DBKL. Turut sama ialah Tn. Hj. Ahmad Fuad Mat Ali, Pengarah Pusat Media, Puan Zawiah binti Md Sari, Pemangku Pengarah BKP serta Pn. Hjh Nik Hasnah binti Ismail, Ketua Unit Komunikasi Korporat.



13 FEB — Sesi perbincangan kerjasama untuk mengadakan Program Persidangan Meja Bulat menilai semula Kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) di IPT bersama Rektor UiTM Kelantan, Prof. Dr. Mohd Afandi Mat Rani; Dekan Institut Pemikiran dan Tamadun Islam Antarabangsa (ISTAC) UIAM, Datuk Prof. Dr. Abdel Aziz Berghout; dan Dekan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) UiTM Shah Alam Prof. Dr. S. Salahudin Suyurno dengan Ketua Pengarah IKIM, Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil dan Dr. Nik Roskiman Abdul Samad, Pengarah Pusat Kajian Syariah, Undang-undang & Politik (SYARAK), di Bilik Mesyuarat Blok A, IKIM.

17 FEB — Kunjungan hormat dan sesi perbincangan delegasi Open University Malaysia (OUM) yang diketuai Prof. Datuk Dr. Mohd Tajudin Md. Ninggal, Naib Presiden/Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Penyelidikan) ke atas Ketua Pengarah IKIM, Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil pada 17 Februari 2025 di Bilik Mesyuarat Blok Aturut sama Tuan Haji Ahmad Fuad Mat Ali, Pengarah Pusat Media IKIM

MAJLIS PELUNCURAN PELAN ANTIRASUAH IKIM (IACP) 2025-2028



05 FEB — Prof. Dato' Dr. Muhammad Nur Manuty, Pengerusi IKIM telah menyempurnakan Majlis Peluncuran Pelan Antirasuah IKIM (IACP) 2025-2028 di MATRADE, Kuala Lumpur. Dalam ucapannya beliau menyebut tentang jenayah rasuah perlu ditangani secara berkesan berasaskan pegangan agama dan transformasi kerohanian. Pelan AICP merupakan manifestasi komitmen IKIM dalam membina organisasi yang bersih, telus dan bebas penyelewengan. IACP yang mengandungi 68 inisiatif utama disusun selaras dengan Seksyen 17A, Akta SPRM 2009 dengan empat misi utama: meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan, mengukuhkan integriti, membudayakan 7 nilai bersama, serta memperkukuh peranan IKIM sebagai pusat kecemerlangan kefahaman Islam.

Pada majlis yang sama juga menyaksikan Ketua Pengarah IKIM, Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil memimpin bacaan Ikrar Bebas Rasuah sambil diikuti oleh para kakitangan IKIM. Majlis tersebut turut menyajikan Forum Wacana Integriti yang mengundang Tan Sri Dato' Sri Hj. Syed Zainal Abidin Syed Mohamed Tahir dan Ir. Hj. Mohd Prasad Hanif sebagai panel. Turut hadir, Timbalan Pengerusi IKIM, Prof. Emeritus Dato' Dr. Mohd Yusof Othman dan Pengarah SPRM Kuala Lumpur, Timbalan Pesuruhjaya SPRM, Datuk Mohamad Fauzi Husin @ Che Mamat.

18 FEB — Sambutan Ulang Tahun Penubuhan Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) ke-33 diraikan secara sederhana di Dewan Sajian IKIM, dihadiri oleh Pengerusi IKIM, Prof. Dato' Dr. Muhammad Nur Manuty, Ketua Pengarah IKIM, Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil dan para kakitangan IKIM.

27 FEB — Majlis Pelancaran Program Ramadan Pusat Media IKIM bertemakan “Mahabbah Madani Ramadan” telah berlangsung dengan pelbagai pengisian merangkumi siaran khas melalui IKIMfm, tvIKIM, platform media baharu serta program CSR dan Bazar Ramadan @ Petronas SIC. Ramadan kali ini menyaksikan pencapaian bermakna dengan pelbagai penerbitan, kerjasama dan kolaborasi julung kali dianjurkan oleh Pusat Media IKIM.

MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU) IKIM DENGAN UPSI, UTHM & IBFIM

18 FEB — IKIM telah memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) dengan dua institusi pendidikan iaitu Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dan institusi penyelidikan iaitu Islamic Banking & Finance Institute Malaysia (IBFIM) yang berlangsung di Dewan Sajian IKIM. MoU ditandatangani oleh Ketua Pengarah IKIM, Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil bersama wakil institusi masing-masing: Naib Canselor UPSI, Prof. Dato' Dr. Md Amin Md Taff, Provost UTHM Kampus Pagoh, Prof. Madya Dr. Afandi Ahmad dan Ketua Pegawai Eksekutif IBFIM, En. Yusry Yusoff.

Majlis disaksikan oleh Pengerusi IKIM, Prof. Dato' Dr. Muhammad Nur Manuty dan Timbalan Pengerusi IKIM, Prof. Emeritus Dato' Dr. Yusof Hj. Othman. Kerjasama MoU ini meliputi aspek penyelidikan, penerbitan dan penganjuran aktiviti ilmiah seperti persidangan, simposium, bengkel dan sebagainya. MoU ini diharap dapat memperkukuh jaringan keilmuan dan memacu pembangunan ilmu yang bermanfaat kepada masyarakat.



MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU) IKIM DENGAN UniSZA



23 FEB — IKIM turut memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dalam satu majlis yang berlangsung di Dewan Canselori, Kampus Gong Badak, Kuala Terengganu. MoU tersebut ditandatangani oleh Ketua Pengarah IKIM, Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil dan Naib Canselor UniSZA, Prof. Dato' Dr. Fadzli bin Adam, serta disaksikan oleh Pengerusi IKIM, Prof. Dato' Dr. Muhammad Nur Manuty. Kerjasama ini merangkumi pertukaran hasil penyelidikan, penganjuran bersama program ilmiah seperti persidangan dan seminar, projek penyelidikan serta penerbitan bersama yang bertujuan memperkukuh usaha keilmuan dalam pelbagai bidang.

SESI MENGHADAP KEHADAPAN D.Y.T.M. RAJA MUDA SELANGOR

03 MAC — Delegasi Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) yang diketuai oleh Pengerusi IKIM, Prof. Dato' Dr. Muhammad Nur Manuty telah mengadap Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah Ibnu Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj di Bilik Mesyuarat, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (SUK), Shah Alam.



Turut serta ialah Timbalan Pengerusi IKIM, Dato' Emeritus Dr. Yusof Othman, Ketua Pengarah IKIM, Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil, Pengarah Pusat Media IKIM, Tn. Hj. Ahmad Fuad Mat Ali dan Ketua Unit Komunikasi Korporat IKIMh, Puan Hajah Nik Hasnah Ismail.



PIMPINAN TERTINGGI IKIM MENGHADAP SULTAN PERAK

10 MAC — Pengerusi IKIM, Prof. Dato' Dr. Muhammad Nur Manuty bersama Timbalan Pengerusi IKIM, Prof. Emeritus Dato' Dr. Mohd Yusof Othman, Ketua Pengarah IKIM, Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil dan Timbalan Ketua Pengarah IKIM, Dr. Mohd Zaidi Ismail telah mengadap Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibnu Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-lah di Istana Perak, Changkat Persekutuan, Kuala Lumpur. Daulat Tuanku!.



08 MAC —Ketua Pengarah IKIM, Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil meluangkan masa meninjau proses rakaman Podcast Bukan Maksum terbitan tvIKIM di Penjara Kajang. Kehadiran beliau disambut oleh Pengarah Penjara Kajang, Tn. Hj. Preshahdin bin Monshee.



13 MAC —Kunjungan hormat dan perbincangan kerjasama strategik antara pihak Albukhary International University (AIU) diketuai oleh Prof. Abdul Malek Abdul Karim, Dekan Pusat Pengajian Pendidikan dan Sains Kemanusiaan bersama Ketua Pengarah IKIM, Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil di Bilik Mesyuarat Blok A. AIU turut dihadiri oleh En. Mohamad Nor Hisyam dan Cik Nur Syaheera.

15 MAC —Sesi Rakaman Podcast Borak Hari Ini (BH) “Perpaduan Kaum: Bukan Sekadar Slogan” telah mengundang Ketua Pengarah IKIM, Prof. Madya Dato’ Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil, dan Fellow Penyelidik Utama, Institut Kajian Etnik (Kita) UKM, Prof. Emeritus Datuk Dr. Teo Kok Seong sebagai panel dengan pengantara Pn. Zanariah Abd Mutalib. Rakaman diadakan di Ink Studio, Balai Berita Bangsar.



17 MAC — Program Tadarus Perdana Al-Qawiyyul Amin 2025 berlangsung di Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin, Putrajaya. Program ini turut dihadiri oleh kakitangan IKIM sebagai peserta tadarus dan Khatam Al-Quran. Bersama-sama kita memupuk semangat kecintaan kepada Al-Quran.

26 MAC —Sesi Rakaman slot Special Interview Radio IKIMfm bersama Imam Feisal Abdul Rauf, Founder and President of Cordoba House, New York di Konti Radio IKIMfm. Pengerusi IKIM, Prof. Dato’ Dr. Muhammad Nur Manuty, dan Ketua Pengarah IKIM, Prof. Madya Dato’ Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil meluangkan masa meraikan tetamu yang hadir.



IKIM PERKUKUH HUBUNGAN MALAYSIA-KEMBOJA MELALUI SESI TAUSIAH DAN MADRASAH RAMADAN 1446H



23 MAC — Pengerusi IKIM, Prof. Dato’ Dr. Muhammad Nur Manuty telah menyampaikan tausiah di Norol Iman Islamic High School, Kemboja semasa menghadiri jemputan Majlis Iftar Ramadan oleh Perdana Menteri Kemboja, Samdech Moha Borvor Thipadei Hun Manet. Turut hadir, Ketua Pengarah IKIM, Prof. Madya Dato’ Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil. Sesi tausiah tersebut menjadi platform untuk memperkukuh hubungan persaudaraan serta menyemai kefahaman Islam dalam kalangan pelajar dan masyarakat setempat.

Selain itu, delegasi IKIM turut mengadakan kunjungan hormat ke Cambodian TV Station yang terletak di Pusat Islam Phnom Penh. Lawatan ini bertujuan untuk mengeratkan hubungan dua hala antara IKIM dan media tempatan, selain membincangkan potensi kerjasama dalam penerbitan program-program Islamik yang berteraskan keharmonian antara komuniti berbilang agama. Majlis Iftar Ramadan ke-9 bersama komuniti Muslim Kemboja telah berlangsung pada 24 April 2025.



ZIARAH MAHABBAH MADANI IKIM SANTUNI MANGSA NAHAS KEBAKARAN GAS PUTRA HEIGHTS




07 APRIL — YTimbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), YB Senator Dr. Zulkifli Hasan diiringi Ketua Pengarah IKIM, Prof Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil, wakil penyumbang makanan dari QSR Brands dan pegawai IKIM telah mengadakan lawatan mahabbah ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Masjid Putra Heights, Subang Jaya. Lawatan ini bagi menyantuni mereka yang terlibat dengan insiden kebakaran gas selain menunjukkan rasa keprihatinan kerajaan terhadap nasib mangsa yang terjejas.

YB Senator Dr. Zulkifli dan Prof Madya Dato' Dr. Mohamed Azam meluangkan masa kira-kira satu jam menyantuni mereka yang terjejas selain menyampaikan bantuan makanan. Mereka berdua turut beramah mesra sambil merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam pengurusan bencana, termasuk pihak berkuasa tempatan dan sukarelawan yang bekerjasama dalam membantu mangsa nahas kebakaran gas Putra Heights.

10 APRIL — Majlis penyerahan dua buah van baharu telah disempurnakan oleh Dato' Ketua Pengarah IKIM kepada Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP), diterima oleh Pn. Zawiah Md. Sari dan Pn. Azhani Zakaria di perkarangan bangunan IKIM.

B

10 APRIL — Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri IKIM 2025 telah berlangsung dengan penuh keceriaan dan kemeriahan. Suasana meriah dengan senyuman terukir dan ukhuwah yang terpateri, majlis ini mencipta kenangan indah buat seluruh warga IKIM. Kehadiran YB Senator Dr. Zulkifli Hasan, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), turut memeriahkan sambutan, di mana beliau berkongsi kegembiraan Syawal bersama-sama warga IKIM. Majlis ini memberi makna yang lebih mendalam dengan semangat kebersamaan dan kasih sayang yang dirasakan oleh semua.



KUNJUNGAN HORMAT IKIM KE MUSLIM WORLD LEAGUE (MWL)



09 APRIL — Ketua Pengarah IKIM, Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil, bersama delegasi Pn. Hj. Nik Hasnah Ismail, En. Mohd Noor Omar dan Pn. Mona Jasman mengadakan kunjungan hormat kepada Pengarah Muslim World League (MWL), Dr. Mohammad Ahmad Gharawi di Pejabat MWL di Petaling Jaya, Selangor. Antara perbincangan memfokuskan kepada kerjasama strategik antara IKIM dan MWL, khususnya dalam penyiaran media bagi memperluas dakwah Islamiah melalui platform media yang lebih luas.


KUNJUNGAN HORMAT IKIM KE MALAYSIA AVIATION GROUP (MAG)



15 APRIL — Delegasi IKIM yang diketuai oleh Ketua Pengarah, Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil, mengadakan kunjungan hormat ke Malaysia Aviation Group (MAG). Turut serta hadir ialah Pengarah Pusat Media, Tn. Hj. Fuad bin Mat Ali; Pengurus Besar Bahagian Ekonomi & Pemasaran En. Al-Iskandar bin Mokhtar serta Ketua Unit Komunikasi Korporat, Pn. Hj. Nik Hasnah binti Ismail. Kehadiran mereka disambut oleh Ketua Pegawai Kumpulan Modal Insan MAG, Dato' Mohd Khalis Abdul Rahim dan para pegawai kanan MAG. Tujuan pertemuan ini adalah untuk membincangkan potensi kerjasama dua hala dalam bidang pengiklanan berteraskan Islam dalam perkhidmatan penerbangan. En. Al-Iskandar telah membuat pembentangan pengiklanan semasa perbincangan berlangsung di bangunan MAG di Sepang.

16 APRIL — Majlis Mahabbah Aidilfitri MADANI Agensi Hal Ehwal Agama bagi tahun 2025 telah berlangsung hari ini di Kompleks Islam Putrajaya. Majlis disempurnakan oleh YB Dato' Setia Dr. Hj. Mohd Na'im bin Hj. Mokhtar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama). Turut hadir memeriahkan majlis ini ialah Prof. Dato' Dr. Muhammad Nur Manuty, Pengerusi IKIM turut serta Prof. Madya Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM. Program turut dimeriahkan lagi dengan reruai yang menyajikan hidangan juadah hari raya, selain pemberian sumbangan kepada golongan mualaf serta pelajar-pelajar tahfiz.


24 APRIL — Muzakarah Pakar bertajuk Tahap Kesedaran, Kefahaman dan Penerimaan Hak Asasi Manusia dalam Kalangan Penjawat Awam telah berlangsung dengan jayanya di Bilik Persidangan, Dewan Sajian IKIM. Muzakarah ini dianjurkan oleh Pusat Pusat Kajian Syariah, Undang-undang & Politik IKIM (SYARAK) dengan tujuan untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman penjawat awam mengenai hak asasi manusia serta penerimaan prinsip-prinsip hak tersebut dalam menjalankan tugas mereka.



MAHABBAH MADANI RAMADAN @ BAZAR SIC MERIAHKAN BULAN RAMADAN

Bazar Ramadan yang dianjurkan di Petronas Sepang International Circuit (SIC) mendapat sambutan hangat dengan kehadiran para pengunjung yang turut menikmati suasana Ramadan. Bazar yang berlangsung dari 1 hingga 28 Mac 2025 ini menawarkan pelbagai juadah berbuka puasa serta dilengkapi dengan acara lomba yang menarik. Program Mahabbah MADANI Ramadan @ Bazar SIC dikendalikan oleh radio IKIMfm sebagai rakan media.

Selain menjual juadah berbuka, bazar ini juga memberikan pengalaman istimewa kepada pengunjung dengan penyampaian bubur lambuk secara percuma oleh Pengurus Besar Best Marketing & Distribution Sdn. Bhd., En. Mohd Firdaus, serta Ketua Pengarah IKIM, Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil. Sementara itu, Pengarah Wakaf IKIM, Tn. Hj. Abu Bakar Yang telah menyampaikan tazkirah mengenai wakaf pada acara ini.



IKIMfm & GALERI ILMU RAIKAN ANAK-ANAK YATIM DI RUMAH JALINAN KASIH

Penyampai radio IKIMfm bersama warga kerja Galeri Ilmu Media Group (Galeri Ilmu) telah meraikan 40 anak-anak yatim asnaf dalam sebuah majlis di Rumah Jalinan Kasih Anak Yatim/Miskin Cheras. Majlis turut diserikan dengan kehadiran watak popular Anas dan Anis dari Majalah Anis serta penyampaian cenderamata dan duit raya oleh penyampai IKIMfm iaitu saudara Suffian Amrin, Tyzo Xender, El-Muhsin dan Batrisyia Afrina.

Program tajaan Galeri Ilmu ini turut disemarakkan dengan tazkirah oleh Imam Muda Megat dan perkongsian kisah Rumah Jalinan Kasih oleh pengurusnya, Ibu Ella, yang telah membantu 200 anak yatim sejak 14 tahun lalu. Majlis ditutup dengan iftar dan solat Maghrib berjemaah, disertai oleh Pengarah Pusat Media IKIM, Tn. Hj. Ahmad Fuad Mat Ali, serta barisan pengurusan kanan IKIMfm dan Galeri Ilmu.





PODCAST PERTAMA DALAM PENJARA: BUKAN MAKSUM CETUS SEJARAH BAHARU PENYIARAN MALAYSIA

Sejarah baharu penyiaran negara telah tercipta menerusi pelancaran Bukan Maksim – Ibrah dari Tirai Besi, iaitu podcast pertama yang diterbitkan dari dalam penjara. Program terbitan TVIKIM dengan kerjasama Jabatan Penjara Malaysia mula ditayangkan pada 1 Syawal 1446H. Menerusi kisah-kisah penghuni penjara, podcast ini bertujuan memberi pencerahan dan keinsafan kepada masyarakat tentang realiti kehidupan di sebalik tirai besi, termasuk kepentingan kesihatan mental serta peluang kedua dalam hidup.

Konsep bual bicara yang diketengahkan membolehkan identiti banduan dirahsiakan, sambil menampilkan Tyzo Xander dan Hj. Ikhrum Husin sebagai hos, serta pegawai penjara sebagai panel jemputan. Penerbit Rancangan Kanan TVIKIM, Norhaffizah Razak menjelaskan bahawa program ini memberi fokus kepada punca jenayah, proses pemulihan banduan, dan kesedaran mental. Setiap episod berdurasi 30 minit akan membincangkan isu seperti pembunuhan, jenayah seksual, dadah, dan pecah amanah. TVIKIM berharap Bukan Maksim dapat membentuk pandangan baharu masyarakat terhadap pemulihan banduan dan kepentingan memberi ruang untuk perubahan.

MAJLIS PELUNCURAN PERTANDINGAN VIDEO PENDEK KEFAHAMAN ISLAM (VIPKI) 2025



IKIM telah melancarkan Pertandingan Video Pendek Kefahaman Islam (VIPKI) 2025 yang menawarkan hadiah keseluruhan bernilai RM35,000 kepada pelajar IPT di Dewan Al-Muktafi Billah Shah, Universiti Sultan Zainal Abidin sempena Karnival Jom Masuk IPT Zon Timur. Pertandingan yang memasuki musim ketiga ini bertujuan untuk melibatkan lebih ramai anak muda dalam memahami dan menyampaikan mesej Islam melalui video pendek.

Menurut Ketua Pengarah IKIM, Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil, pertandingan ini bukan sahaja mengutamakan nilai ilmu tetapi juga nilai ketamadunan dalam usaha membina negara bangsa yang progresif, selaras dengan visi Malaysia MADANI.

VIPKI 2025 mengambil tema "MADANI" dengan menawarkan enam nilai teras MADANI untuk dipilih oleh peserta, iaitu Kemampanan, Kesejahteraan, Daya Cipta, Hormat, Keyakinan, dan Ihsan. Berbeza dengan edisi sebelumnya, pertandingan kali ini membolehkan peserta melibatkan pengkarya profesional, pensyarah, atau tenaga pengajar sebagai pembimbing. Timbalan Ketua Pengarah IKIM, Dr. Mohd Zaidi Ismail, yang juga ketua juri pertandingan, menekankan pentingnya kandungan mesej dan cara mesej tersebut disampaikan melalui kreativiti visual.


SEKALUNG TAHNIAH



Setinggi-tinggi
Tahniah
kepada
**YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr.
Mohd Yusof bin Hj. Othman**
atas pelantikan sebagai
**TIMBALAN PENERUSI
INSTITUT KEFAHAMAN
ISLAM MALAYSIA
(2025-2028)**
berkuatkuasa pada
14 JANUARI 2025
Ikhtisab Daripada:
Ahli Lembaga Pengarah,
Barisan Pengurusan serta Warga Kerja
Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)
MALAYSIA MADANI



Setinggi-tinggi
Tahniah
kepada
**YBhg. Prof. Madya Dato' Dr.
Mohamed Azam bin Mohamed Adil**
atas pelantikan semula sebagai
**KETUA PENGARAH
INSTITUT KEFAHAMAN
ISLAM MALAYSIA
(2025-2028)**
berkuatkuasa pada
03 FEBRUARI 2025
Ikhtisab Daripada:
Ahli Lembaga Pengarah,
Barisan Pengurusan serta Warga Kerja
Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)
MALAYSIA MADANI



Setinggi-tinggi
Tahniah
**PROFESOR DATO' DR.
MUHAMMAD NUR MANUTY**
Pengerusi Institut Kefahaman Islam Malaysia
atas penerimaan anugerah
DIAMOND AWARD
**Muslim Converts'
Association of Singapore (MCAS)
International Academic Excellence**
Ikhtisab Daripada:
Ahli Lembaga Pengarah,
Barisan Pengurusan serta Warga Kerja
Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)
MALAYSIA MADANI



Setinggi-tinggi
Tahniah
**Profesor Dato' Noor Aziah
binti Mohd Awal**
(Ahli Lembaga Pengarah IKIM)
atas pelantikan semula sebagai
**AHLI JAWATANKUASA ADUAN (JKA)
Suruhanjaya Pencegahan
Rasuah Malaysia (SPRM)
2024-2027**
berkuatkuasa pada
02 DISEMBER 2024
Ikhtisab Daripada:
Ahli Lembaga Pengarah,
Barisan Pengurusan serta Warga Kerja
Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)
MALAYSIA MADANI



Setinggi-tinggi
Tahniah
AMIR FIRHAN ROSLI
Pegawai Khas Pengerusi IKIM
atas penanugerahan
**INSAN MADANI AWARD
(INDIVIDUAL)
SILVER**
sempena
**AHAS Kulliyah of Islamic Revealed
Knowledge & Human Science
TAKREEM 2024**
pada
19 FEBRUARI 2025
Ikhtisab Daripada:
Ahli Lembaga Pengarah,
Barisan Pengurusan serta Warga Kerja
Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)
MALAYSIA MADANI



Selamat Menyambut
**ULANG TAHUN
PENUBUHAN
INSTITUT KEFAHAMAN
ISLAM MALAYSIA**
ke-33
18 FEBRUARI 2025 | 19 SYAABAN 1446H
Ikhtisab Daripada:
Ahli Lembaga Pengarah,
Barisan Pengurusan serta Warga Kerja
Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)
MALAYSIA MADANI

LAMBANG BULAN DALAM ISLAM

Simbol Identiti Umat?

Lambang bulan sabit sering dikaitkan dengan agama Islam dan digunakan secara meluas di bendera negara-negara Islam serta organisasi Islam. Namun, adakah lambang ini benar-benar berasal daripada ajaran Islam?

ASAL USUL

Bulan sabit bukanlah simbol rasmi yang berasal daripada ajaran Nabi Muhammad SAW atau daripada al-Quran dan sunnah. Penggunaan lambang ini bermula semasa era Khilafah Uthmaniyyah (Empayar Ottoman) yang menjadikan bulan sabit dan bintang sebagai simbol kerajaan.

Dari segi akidah Islam, tiada simbol rasmi untuk mewakili agama Islam selain tauhid (keesaan Allah). Oleh itu, bulan sabit lebih kepada simbol budaya atau identiti umat Islam daripada simbol ibadah atau akidah.



KENAPA BULAN?

Penentuan Takwim Hijrah
Islam menggunakan takwim lunar (bulan).

Penentuan Hari-Hari Penting
Awal bulan, termasuk bulan Ramadan dan tarikh hari raya, ditentukan berdasarkan kemunculan hilal (anak bulan).

Tanda Kebesaran Allah
Dalam Al-Qur'an, bulan disebut sebagai salah satu ciptaan Allah yang menunjukkan kekuasaan-Nya (rujuk Surah Yunus: 5, Surah Al-Baqarah: 189). Ia melambangkan perjalanan masa, kitaran hidup, dan kebesaran ciptaan Allah.



Ilmu dan Akhlak TERAS KEHARMONIAN KAUM

Ilmu dan akhlak adalah kunci membentuk keharmonian dalam masyarakat majmuk. Pendidikan yang berteraskan nilai murni membantu memperkukuh perpaduan dan saling menghormati antara kaum, memastikan kestabilan dan kesejahteraan negara.

KEPENTINGAN ILMU & AKHLAK

- ✓ Ilmu membantu memahami perbezaan budaya dan agama.
- ✓ Akhlak yang baik menggalakkan hormat-menghormati & toleransi.
- ✓ Masyarakat berilmu lebih bijak menangani perbezaan.

CABARAN MENJAGA KEHARMONIAN

- ⚠ Kurangnya kefahaman antara kaum dan agama.
- ⚠ Penyebaran maklumat salah yang mencetuskan kebencian.
- ⚠ Sikap pentingkan diri dan enggan memahami orang lain.

Firman Allah SWT:

يَرْفَعِ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ
Supaya Allah SWT meninggikan darjat orang-orang yang beriman di antara kamu, dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan Agama (daripada kalangan kamu) dengan beberapa darjat.
(QS al-Mujadalah: 11)

SOLUSI MEMPERKUKUH PERPADUAN

- 📖 Pendidikan berasaskan nilai murni dan sejarah.
- 🗣 Mempromosikan dialog antara kaum.
- 🤝 Masyarakat perlu lebih bijak dalam menilai maklumat.

PERANAN MASYARAKAT

- 👥 Menghormati perbezaan dan mencari titik persamaan.
- 📖 Meningkatkan ilmu dan kefahaman mengenai sejarah serta budaya lain.
- 🚫 Mengelakkan penyebaran fitnah dan maklumat tidak sahih.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM MALAYSIA

www.ikim.gov.my @myikim
Institut Kefahaman Islam Malaysia

Sambutan VALENTINE'S DAY BUKAN BUDAYA UMAT ISLAM

DEFINISI

Valentine's Day merupakan satu perayaan hari kekasih bagi menghormati Santo Valentino yang telah dihukum pancung di Rome pada 14 Februari 270M. Dia merupakan seorang paderi Kristian yang dianggap pelindung bagi golongan yang sedang mabuk bercinta.



HUKUM

Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia memutuskan bahawa amalan merayakan Valentine's Day tidak pernah dianjurkan oleh Islam. Roh perayaan tersebut mempunyai unsur-unsur Kristian dan amalan yang bercampur dengan perbuatan maklat dan dilarang oleh Islam.

Daripada Ibn Umar RA, Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ تَشَبَهَ بِقَوْمٍ فَهُوَ مِنْهُمْ

"Barangsiapa yang menyerupai sesuatu kaum, maka dia adalah daripada kalangan mereka."
(HR Abu Daud no. 4031)

Baginda juga bersabda:

لَمْ يَرِ لِلْمُحَابِّينِ مِثْلَ التَّكَاثُفِ

"Tidak pernah dilihat solusi untuk dua orang yang saling mencintai selain berkahwin"
(HR Ibn Majah, no. 1847)

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM MALAYSIA (IKIM)

Menziarahi ORANG DITIMPA MUSIBAH

Tanda Iman, Simpati & Ukhwah

وَتَعْلَمُ أَنَّكُمْ مِنْ آلِ كَثُوفٍ وَتَقِي مِنْ الْأَنْفُسِ وَالْأَعْيُنِ وَتَشْرُفُ الْأَعْيُنُ
Demi sesungguhnya! Kami akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut (kepada musuh) dan (dengan merasa) kelaparan, dan (dengan berlakunya) kekurangan dari harta benda dan jiwa serta hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang sabar (155)

الَّذِينَ إِذَا أَصَابَتْ مَجِيئَةً قَالُوا إِنَّهُ إِلَهُ رَبِّهِ يُجِيبُونَ
(Iaitu) orang-orang yang apabila mereka ditimpa oleh sesuatu kesusahan, mereka berkata: "Sesungguhnya kami adalah kepunyaan Allah dan kepada Allah jualah kami kembali." (156)
(QS Al-Baqarah ayat 155-156)

HIKMAH ZIARAH

- Menenangkan hati dan memberi semangat
- Mengucapkan ukhwah dan empati
- Peluang memberi sumbangan & sokongan
- Mendapat ganjaran pahala besar
- Meringankan beban orang yang diuji



ADAB ZIARAH

- ✓ Datang dengan niat ikhlas
- ✓ Ucapkan doa dan kalimat yang baik
- ✓ Hormati emosi dan ruang keluarga
- ✗ Jangan menaruh kesedihan dengan soal-soal sensitif
- ✓ Tinggalkan kenangan yang menenangkan

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM MALAYSIA

www.ikim.gov.my @myikim
Institut Kefahaman Islam Malaysia

Fiqh AL-AWLAWIYAT

MEMAHAMI KEUTAMAAN DALAM TINDAKAN

DEFINISI

Fiqh al-Awlawiyat merujuk kepada kefahaman dalam membezakan antara hukum-hukum syarak berdasarkan keutamaan, kepentingan, dan kesan terhadap individu serta masyarakat. Konsep ini sangat relevan dalam situasi di mana umat Islam berhadapan dengan pelbagai pilihan yang saling bertembung dari sudut hukum agama Islam.

KEPENTINGAN

Dalam kehidupan seharian, umat Islam sering berhadapan dengan situasi di mana mereka perlu membuat pilihan antara dua atau lebih perkara yang mungkin semuanya dibenarkan atau dilarang dalam agama. Contohnya, memilih antara dua larangan yang berlaku serentak, atau menentukan keutamaan antara amalan wajib & sunat.

MANFAAT

Seseorang dapat meningkatkan kualiti amal soleh, membina keseimbangan antara ibadah, ilmu, akhlak dan tanggungjawab sosial, serta mengelakkan sikap fanatik terhadap perkara cabang yang boleh meretakan perpaduan umat.

PRINSIP FIQH

1. Maslahat dan Mafsadat
Setiap perintah dan larangan dalam Islam bertujuan mencapai kebaikan (maslahat) & menghindari keburukan (mafsadat). Fiqh al-Awlawiyat menekankan pentingnya menilai setiap tindakan berdasarkan sejauh mana ia membawa maslahat atau mafsadat.

2. Keutamaan Hukum

Apabila tidak mampu melaksanakan semua perintah agama, keutamaan diberikan kepada yang wajib, diikuti oleh yang sunat dan harus. Sebaliknya, apabila berhadapan dengan dua larangan, keutamaan diberikan kepada yang lebih berat hukumannya, seperti haram berbanding makruh.

3. Pertimbangan Konteks

Fiqh al-Awlawiyat juga mengambil kira konteks dan situasi semasa dalam menentukan keutamaan. Ini termasuk mempertimbangkan faktor-faktor seperti keadaan individu, masyarakat, dan masa.



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM MALAYSIA

www.ikim.gov.my @myikim
Institut Kefahaman Islam Malaysia

KELALAIAN SOLAT

Kelemahan Iman

Jenis Kelalaian

Tidak mengerjakan solat langsung
Kategori paling berat. Mereka meninggalkan solat secara sengaja tanpa uzur.

Solat kadang-kadang
Hanya solat apabila senang hati, ikut orang lain atau bila ada masa lapang.

Solat tetapi selalu lewat
Melewat-lewatkan solat hingga hujung waktu atau keluar dari waktunya.

Tidak khusyuk dalam solat
Melakukan solat secara tergesa-gesa atau hanya sekadar lepas syarat.

Solat tetapi lalai menjaga rukun
Tidak membetulkan niat dengan betul atau remeh dalam setiap gerakan.

Cara Mengatasi

Menetapkan Waktu Solat & Disiplin
Gunakan penggera atau aplikasi untuk mengingatkan waktu solat, serta berusaha untuk menunaikan solat tepat pada waktunya.

Kesedaran Kewajiban Solat
Meningatkan diri tentang keutamaan & ganjaran solat dapat membantu meningkatkan kesedaran dalam menjaganya.

Bergaul Rakan Suka Ibadah
Bergaul dengan mereka yang menjaga solat akan memberi motivasi & sokongan untuk menjaga solat bersama.



Rasulullah SAW bersabda:
"Sesungguhnya amalan yang pertama kali dihisab pada hari kiamat adalah solat. Jika solatnya baik, maka amalnya akan diterima. Jika solatnya buruk, maka amalnya akan ditolak."
(HR al-Thabrani (1859))

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM MALAYSIA

www.ikim.gov.my @myikim
Institut Kefahaman Islam Malaysia

Agama

Pelaksanaan hukum qazaf pelihara maruah masyarakat

Prof Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil
Ketua Pengarah Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)

Memorandum mengenai Mufti dengan tujuan tidak hanya untuk membolehkan masyarakat di dalam beragama, tetapi juga untuk membolehkan masyarakat di luar negara Islam di dalam beragama. Mufti dengan tujuan tidak hanya untuk membolehkan masyarakat di dalam beragama, tetapi juga untuk membolehkan masyarakat di luar negara Islam di dalam beragama.

Pelaksanaan hukum berat terhadap penabur fitnah bukan bertujuan mengukuhkan semata-mata, malah turut berfungsi sebagai mekanisme pencecahan (sadd al-zara'i) untuk menghentikan budaya fitnah dan menjaga kehormatan masyarakat dan keadilan sosial.

MAJLIS MAHAKAMAH SYARIAH

Reaksi pengarah Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)

Prof Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil

Memorandum mengenai Mufti dengan tujuan tidak hanya untuk membolehkan masyarakat di dalam beragama, tetapi juga untuk membolehkan masyarakat di luar negara Islam di dalam beragama. Mufti dengan tujuan tidak hanya untuk membolehkan masyarakat di dalam beragama, tetapi juga untuk membolehkan masyarakat di luar negara Islam di dalam beragama.

YBhg. Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM berkongsi pandangan bertajuk "Sebatan dalam hukuman jenayah mendidik jiwa masyarakat" dalam ruangan akhbar Berita Harian pada 5 Januari 2025 (Ahad).

AGAMA PERSPEKTIF

Sebatan dalam hukuman jenayah syariah mendidik masyarakat

Prof Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil
Ketua Pengarah Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)

Hukuman sebatan dalam undang-undang jenayah syariah sering kali menjadi topik yang kontroversial. Dalam konteks ini, Mufti dengan tujuan tidak hanya untuk membolehkan masyarakat di dalam beragama, tetapi juga untuk membolehkan masyarakat di luar negara Islam di dalam beragama.

Dalam konteks ini, Mufti dengan tujuan tidak hanya untuk membolehkan masyarakat di dalam beragama, tetapi juga untuk membolehkan masyarakat di luar negara Islam di dalam beragama.

Reaksi pengarah Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)

Prof Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil

Hukuman sebatan dalam undang-undang jenayah syariah sering kali menjadi topik yang kontroversial. Dalam konteks ini, Mufti dengan tujuan tidak hanya untuk membolehkan masyarakat di dalam beragama, tetapi juga untuk membolehkan masyarakat di luar negara Islam di dalam beragama.

YBhg. Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM berkongsi pandangan bertajuk "Pelaksanaan Hukum Qazaf Pelihara Maruah Masyarakat" dalam ruangan akhbar Berita Harian pada 22 Januari 2025 (Rabu).

Rencana

Tradisi masyarakat Melayu mampu atasi isu keterjaminan makanan

PANDANGAN IKIM
Puan Norkumala Awang

SARANUS, Malaysia - Kajian mengenai tradisi masyarakat Melayu menunjukkan bahawa tradisi ini mampu mengatasi isu keterjaminan makanan. Tradisi ini menunjukkan bahawa masyarakat Melayu mampu mengatasi isu keterjaminan makanan.

Tradisi ini menunjukkan bahawa masyarakat Melayu mampu mengatasi isu keterjaminan makanan.

Reaksi pengarah Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)

Puan Norkumala Awang

Kajian mengenai tradisi masyarakat Melayu menunjukkan bahawa tradisi ini mampu mengatasi isu keterjaminan makanan. Tradisi ini menunjukkan bahawa masyarakat Melayu mampu mengatasi isu keterjaminan makanan.

Puan Norkumala Awang, Fellow Pusat KIAS berkongsi pandangan bertajuk "Tradisi masyarakat Melayu mampu atasi isu keterjaminan makanan" dalam ruangan akhbar Utusan Malaysia pada 6 Januari 2025 (Isnin).

Rencana

Pandai sahaja tidak cukup kerana perlu bersaing dengan teknologi

PANDANGAN IKIM
Puan Nur Syahidah Abdul Jalil

TAKHUN 2025 dijangka sebagai tahun yang penuh dengan perubahan. Puan Nur Syahidah Abdul Jalil berkongsi pandangan bertajuk "Pandai sahaja tidak cukup kerana perlu bersaing dengan teknologi".

Puan Nur Syahidah Abdul Jalil berkongsi pandangan bertajuk "Pandai sahaja tidak cukup kerana perlu bersaing dengan teknologi".

Reaksi pengarah Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)

Puan Nur Syahidah Abdul Jalil

TAKHUN 2025 dijangka sebagai tahun yang penuh dengan perubahan. Puan Nur Syahidah Abdul Jalil berkongsi pandangan bertajuk "Pandai sahaja tidak cukup kerana perlu bersaing dengan teknologi".

Puan Nur Syahidah Abdul Jalil, Fellow Pusat EMAS berkongsi pandangan bertajuk "Pandai sahaja tidak cukup kerana perlu bersaing dengan teknologi" dalam ruangan akhbar Utusan Malaysia pada 16 Januari 2025 (Khamis).



BULETIN IKIM

Edisi 1 | Januari - April 2025



Penasihat:

Nik Hasnah Ismail

Pengarang:

Shahrul Ridzuan Shafie

Jurugambar:

Fathulmungin Mohd Yusof

Pencetak:

**BRIMAS Enterprise, No. 40A,
Jalan Selaseh Indah, Taman Selasih,
68100, Batu Caves, Selangor**

Edaran:

**Unit Komunikasi Korporat
Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)**